

30 APR 1997

Muzium-Asli

MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI DI SEBELAH MUZIUM NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Sebuah muzium seni kraf Orang Asli akan diwujudkan di sebelah Muzium Negara untuk mempamerkan artifak dan seni kraf Orang Asli di Semanjung Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik ketika mengumumkan perkara itu hari ini berkata, muzium itu yang akan diwujudkan di bangunan kedai bebas cukai, akan berkonsepkan muzium hidup.

"Kabinet dalam mesyuarat minggunya hari ini bersetuju supaya muzium Orang Asli ini diwujudkan di sebelah Muzium Negara," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sabbaruddin berkata, muzium itu bukan sahaja akan mempamerkan artifak Orang Asli malah akan ada beberapa Orang Asli membuat kerja-kerja ukiran dan hasil kerja tangan mereka itu akan dijual kepada pelawat.

Masyarakat Orang Asli juga boleh meletakkan hasil kerja tangan mereka untuk dijual di situ jika mereka tidak menghasilkannya di muzium itu, katanya.

Menteri itu berkata, sejumlah RM4.7 juta akan dibelanjakan bagi mewujudkan muzium itu termasuk kos mengambil balik bangunan kedai bebas cukai Sriwani itu dan pengisian barang-barang yang diperlukan untuk muzium itu.

Bangunan itu dipilih kerana lokasinya sangat strategik selain mempunyai ruangan yang mencukupi untuk dijadikan muzium tanpa banyak kerja pengubahsuaian, katanya.

Dengan cara demikian perbelanjaan dapat dijimatkan dan pengwujudan muzium itu dapat disegerakan, katanya.

Sementara itu Sabbaruddin turut mengumumkan bahawa logo yang direka cipta oleh Muhammad Azid Abdul Latiff, 21, dari Kampung Pasir Baru, Kuala Lumpur telah dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sebagai pemenang pertandingan mencipta logo Hari Kebangsaan 1997.

Sabbaruddin yang juga pengerusi jawatankuasa pusat perayaan Hari Kebangsaan 1997 berkata, logo yang berbentuk hati itu adalah antara 11 penyertaan yang diperakukan oleh ahli panel urusetia pertandingan logo Hari Kebangsaan tahun ini untuk dipilih oleh Dr Mahathir sebagai pemenang.

Dengan pemilihan itu Muhamad Azid memenangi hadiah utama RM5,000 manakala 10 lagi pereka cipta yang diperakukan dalam senarai 11 ciptaan terbaik itu mendapat RM700 tiap seorang.

Sabbaruddin berkata, elemen yang dipaparkan oleh Muhamad Azid dalam logonya itu antara lain ialah imej berbentuk hati yang melambangkan akhlak mulia serta imej tangan seakan-akan bersalaman di tengahnya bermaksud sifat hormat-menghormati.

Logo itu menepati tema Hari Kebangsaan tahun ini "Akhlak Mulia Masyarakat Jaya."

Menteri itu berkata sejumlah 1,911 penyertaan diterima untuk pertandingan itu tahun ini, peningkatan sebanyak 71.24 peratus berbanding tahun lepas.

Daripada jumlah itu 1,642 adalah penyertaan peringkat dewasa, 215 penyertaan peringkat sekolah menengah dan 54 penyertaan peringkat sekolah rendah.

Sabbaruddin berkata, lima ciptaan terbaik peringkat sekolah menengah akan turut memenangi hadiah RM400 tiap seorang manakala lima ciptaan terbaik peringkat sekolah rendah pula akan memenangi RM200 tiap seorang.

Sebanyak 200 ciptaan logo terbaik daripada jumlah penyertaan

keseluruhan akan dipamerkan kepada orang ramai di sini selama 10 hari, yang dijangka dari 23 Ogos hingga 1 Sept, katanya. -- BERNAMA

AFY NMO